

NOTA MAKLUMAN

KES ADUAN

PENCEMARAN BEBOLA TAR DI PULAU LANG TENGAH

SETIU, TERENGGANU DARUL IMAN

10 APRIL 2016

TUJUAN

Nota Makluman ini adalah untuk memaklumkan hasil siasatan kes aduan pencemaran bebola tar di Pulau Lang Tengah, Daerah Setiu, Terengganu Darul Iman yang dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu pada **10 April 2016**.

LATARBELAKANG

2. Nota Makluman ini disediakan susulan daripada aduan mengenai pencemaran bebola tar oleh **ahli Persatuan Turtle Watch Pulau Lang Tengah** yang dilaporkan pada **10 April 2016**. Borang Maklumat Awal (BMA) kes kecemasan telahpun dikemukakan kepada Ibu Pejabat JAS bertarikh **10 April 2016** memaklumkan mengenai aduan yang diterima dan tindakan selanjutnya oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3. Maklumat awal yang diterima dari ahli Persatuan Turtle Watch Pulau Lang Tengah memaklumkan mengenai kehadiran bebola tar di kawasan pantai Pulau Lang Tengah, Setiu. (Lokasi Pulau Lang Tengah adalah di antara Pulau Redang dan Pulau Perhentian, iaitu di bawah Majlis Daerah Setiu). Berdasarkan maklumat yang diterima daripada ahli Persatuan Turtle Watch Pulau Lang Tengah yang berada di lokasi aduan semasa kejadian berlaku, bebola tar ini dapat dilihat di beberapa kawasan sekitar pantai tersebut dalam jarak lingkungan 1km di beberapa lokasi berbeza. Penilaian awal pihak Jabatan mendapati aduan yang dikemukakan adalah **berasas** berdasarkan gambarfoto yang dikemukakan.

4. Berdasarkan tinjauan yang dilaksanakan oleh pihak Persatuan Turtle Watch Pulau Lang Tengah pada 7 April 2016, **tiada** sebarang aktiviti atau punca yang disyaki melepaskan buangan minyak di sekitar Pulau Lang Tengah. Selain itu juga, **tiada** sebarang jeti atau pelabuhan berhampiran dengan Pulau Lang Tengah yang berpotensi menyebabkan pembuangan minyak di sekitar kawasan berkenaan.

6. Siasatan lanjut yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu dan juga maklumat-maklumat yang diperolehi semasa siasatan dijalankan adalah seperti berikut:-

6.1 Siasatan Pada 10 April 2016

- (i) Lokasi aduan pencemaran bebola tar ini adalah di pantai Pulau Lang Tengah yang melibatkan beberapa premis penginapan pelancongan iaitu *Sari Pacifica Resort & Spa, Lang Tengah Island Resort* dan *D'Coconut Lagoon*.
- (ii) Berdasarkan maklumat yang diterima, **tiada sebarang penemuan minyak atau pun kesan berminyak** di pantai ataupun di kawasan laut sekitar Pulau Lang Tengah.
- (iii) Ciri-ciri fizikal bebola tar yang ditemui adalah berbentuk **pepejal hitam** tidak sekata dengan anggaran saiz antara 4cm hingga 10cm panjang.(**rujuk Gambarfoto 1, di Lampiran 1**). Bebola tar ini adalah bercampur pasir, **keras** seakan batu kerikil dan **tidak melekit**.
- (iv) **Kerja-kerja pembersihan telahpun dijalankan oleh Persatuan Turtle Watch Pulau Lang Tengah dan pengusaha premis penginapan pelancongan** yang terlibat yang dilaksanakan sendiri oleh para pekerja premis masing-masing. Berdasarkan maklumat daripada pihak pengadu juga, sejumlah **749 kg** bebola tar bercampur pasir berjaya dikumpulkan hasil daripada aktiviti pembersihan yang dijalankan (**rujuk Gambarfoto 2 dan 3 di Lampiran 1**).

6.2 Semakan Portal GIS

- (i) Pemeriksaan melalui Portal GIS terhadap punca-punca pencemaran yang terdapat di dalam SIMPAS menunjukkan kawasan Pulau Lang Tengah hanya mempunyai punca yang diklasifikasikan sebagai premis penginapan pelancongan (Hotel / Resort). Tiada sebarang pelabuhan atau jeti yang mengendalikan kargo atau tangki minyak yang boleh menyumbang kepada kehadiran bebola tar seperti dilaporkan.


TINDAKAN-TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU

7. Sampel bebola tar yang diambil di lokasi pengumpulan bebola tar akan dikemukakan kepada Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Kuala Terengganu bagi analisis lanjut komposisi bahan dan juga untuk rujukan profil.
8. Mengarahkan premis penginapan pelancongan yang melakukan aktiviti pembersihan bebola tar mengumpul dan melupuskan bahan buangan tersebut di tapak **pelupusan sisa pepejal (TPS)** yang dibenarkan, sebagaimana yang terkandung di dalam **Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Terengganu Akibat Tumpahan Minyak**.

PENUTUP

Adalah dipohon mengambil maklum mengenai hasil siasatan ke atas kes pencemaran bebola tar yang didakwa berlaku di Pulau Lang Tengah, Setiu, Terengganu Darul Iman pada 10 April 2016 seperti yang dilaporkan oleh pihak Persatuan Turtle Watch Pulau Lang Tengah.

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu
10 April 2016**



GAMBARFOTO 1: BEBOLA TAR BERWARNA HITAM YANG TERDAMPAR DI PANTAI PULAU LANG TENGAH, SETIU, TERENGGANU (GAMBAR IHSAN AHLI PERSATUAN TURTLE WATCH PULAU LANG TENGAH)



GAMBARFOTO 2: BEBOLA TAR BERCAMPUR PASIR YANG TELAH DIKUMPULKAN TELAH DIBAWA KE JETI MERANG, SETIU UNTUK PELUPUSAN (DIRAKAM PADA 10 APRIL 2016)



**GAMBARFOTO 3: BEBOLA TAR BERCAMPUR PASIR YANG TELAH DIKUMPULKAN
TELAH DIBAWA KE JETI MERANG, SETIU UNTUK PELUPUSAN (DIRAKAM PADA 10
APRIL 2016)**